

Headline

Date 17. Jun 2009
Media Title Harian Metro
Section Variasi
Circulation 289315
Readership 1981000

Language MALAY
Page No V2
Article Size 334 cm2
Frequency Daily
Color Full Color
AdValue



Mimos bangun FFS bantu nelayan

MIMOS menjalin kerjasama dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk membangunkan Sistem Ramalan Ikan (FFS) sejajar dengan peningkatan jumlah tangkapan ikan yang dijangka bernilai RM11 bilion menjelang 2010.

Di bawah kerjasama itu, Mimos akan mereka bentuk dan membangunkan FFS termasuk pembangunan model ramalan lokasi ikan, pembangunan portal pangkalan data dan sistem penyebaran maklumat untuk tujuan pengedaran lokasi ikan.

Sementara LKIM menyediakan



METERAI... Wahab (kanan) bertukar dokumen dengan Pengerusi LKIM, Datuk Abdul Rahim Ismail untuk membangunkan FFS.

kandungan seperti data in-situ, data oseanografi dan akustik serta data tangkapan ikan dan menaikkan ikan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos, Datuk Abdul Wahab Abdullah, berkata FFS dijangka boleh digunakan pada April 2010 untuk memberi kemudahan kepada nelayan di samping menjimatkan antara 20 hingga 40 peratus masa mencari lokasi paling sesuai untuk tangkapan ikan.

"Dalam pada itu, FFS yang menjadi konsep terbukti rekaan Mimos untuk industri perikanan akan mempamerkan platform teknologi

kami boleh mendatangkan banyak manfaat kepada industri," katanya.

Penyepaduan data remote sensing iaitu mengenai suhu permukaan laut dan konsentrasi klorofil yang disediakan Agensi Remote Sensing Malaysia di dalam FFS, maka ia menjadi bahagian paling penting menunjukkan potensi zon tangkapan.

Dengan FFS, jumlah tangkapan dijangka meningkat, selain menambah pendapatan nelayan dan mencapai pembangunan mapan untuk industri perikanan di Malaysia.